

Krisis Asean, Australia terhapus

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

NEW DELHI, Jumaat — Perdana Menteri Australia, Bob Hawke menyatakan tahap salah faham yang mungkin timbul antara Asean dengan Australia telah terhapus dan kedua-dua pihak kini lebih memahami adanya persamaan dalam pendirian asas mengenai soal Kampuchea.

Kenyataan pemimpin Australia ini dibuat setelah beliau berunding selama setengah jam dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, Menteri Luar S. Dhanabalan dan Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie.

Pertemuan itu berlangsung di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Australia ke India, Gordon Upton tengah hari semalam.

"Kuan Yew, Tan Sri Ghazali dan Dhanabalan serta saya mengadakan perbincangan sambil makan tengah hari yang amat memantapkan."



BOB HAWKE

kata Hawke.

"Saya fikir tahap salah faham yang mungkin timbul itu telah terhapus dan kami kini lebih memahami adanya persamaan dalam pendirian asas kami mengenai masalah Kampuchea dan tentang sikap kami berhubung dengan rantau itu (Asia Tenggara)," jelas beliau.

"Saya menyetujui kata-kata Hawke itu. Saya fikir rundingan sambil makan tengah hari itu amat berguna.



LEE KUAN YEW

Kami fikir, kini kami sama-sama melihat lebih jelas lagi tentang gambaran menyeluruh. Ini lebih penting dari menghuraikan kerumitan kecil," kata Lee pula.

Ditanya sama ada pertelingkahan itu telah terhurai, Lee menjawab: "Perselisihan itu selesai. Saya fikir ia bukanlah satu pertikaian".

Para pemerhati politik menganggap bahawa pertemuan itu telah menghuraikan salah faham berhubung kenya-

taan Dhanabalan di akhir sidang Menteri-Menteri Asean di Jakarta baru ini berikut keengganan Australia untuk menaja bersama ketetapan mengenai Kampuchea di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ditanya sama ada Lee dapat memberikan contoh adanya perbezaan kecil antara Australia dengan Asean, beliau menjawab: "Saya tidak fikir kita harus membingkangkan soal terperinci. Hakikat yang nyata ialah terdapat sekumpulan orang yang berpendapat bahawa apa-apa sahaja yang berkaitan dengan Pol Pot tidak boleh diterima.

"Kami telah menjelaskan kepada Hawke bahawa kami bukan peminat Pol Pot, kami terpaksa menghadapi keadaan dunia yang ada sekarang".

Terdahulu dari itu, Lee telah menjelaskan bahawa Vietnam tidak dapat dipencilkan. Vietnam adalah pembicara terbaik di dunia. — BHS.